

15/10/2000

Nik Aziz takut debat hak istimewa Melayu

DEBAT mengenai debat tambah hebat. Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar kata, okay kita debat.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata Pemuda Umno boleh debat. Timbalan Presiden Pas Abdul Hadi Awang kata Pemuda Pas boleh debat.

Tapi Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kata tak guna debat pasal Ketua Pemuda Umno dan Ketua Pemuda Pas pemimpin bawahan yang tak ada kuasa.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob pun dilaporkan tidak setuju debat kerana kata dia hanya buang masa.

Ini Kiau pening. Ada pemimpin Pas yang sependapat dengan pemimpin Umno dan ada pula pemimpin Umno yang sependapat dengan Pas.

Kiau pening macam mana pendapat pemimpin dalam satu parti yang sama tidak serupa sedangkan soal debat Umno-Pas ini bukan perkara baru. Sudah banyak kali timbul dan setiap kali itu juga tenggelam macam olok-olok atau hangat-hangat tahi ayam.

Tapi sekali ini nampaknya jadi melainkan ada yang kecut perut dan tarik diri pada saat akhir.

Walaupun Kiau pening, tapi pening-pening lalat saja. Jadi Kiau masih boleh faham pasal apa Nik Aziz tak setuju debat pemuda itu diadakan.

Bukan pasal Ketua Pemuda Pas atau Umno tidak cukup kanan. Boleh jadi Ketua Pemuda Pas tidak cukup kanan, tapi Umno tak anggap Ketua Pemuda Umno macam itu. Hishammuddin bukan saja Ketua Pemuda tapi dia juga Menteri Kabinet.

Kiau rasa Nik Aziz sengaja guna topi Tok Guru untuk gagalkan cadangan itu pasal dia takut Pas tidak boleh bagi hujah yang kuat mengenai hak istimewa orang Melayu yang akan jadi tajuk perbahasan itu.

Sebabnya kita semua tahu. Bukan orang Umno saja yang tahu. Orang Pas lagi tahu. Merekalah yang mainkan isu berkenaan.

Isu yang Kiau maksudkan itu ialah tuduhan Pas yang Umno asabiyah kerana perjuangankan kebangsaan Melayu. Pas buat fatwa kata kebangsaan adalah asabiyah dan orang Pas jaja hal ini dari satu pilihan raya ke satu pilihan raya.

Pas kata Umno tak Islam pasal perjuangan kebangsaannya asabiyah. Yang tak faham kepala ekor pun cakap pasal asabiyah juga kerana ikut telunjuk ketua mereka yang pakar dalam soal putar-belit politik.

Sekarang mereka masuk perangkap sendiri. Tentulah susah dan tidak meyakinkan kalau Pas kata ia juga pertahan hak istimewa orang Melayu.

Kalau kebangsaan Melayu pun Pas tak boleh terima, macam mana Pas nak terima hak istimewa orang Melayu?

Kita tahu dan Pas pun tahu yang hak istimewa orang Melayu adalah antara asal usul dan pokok pangkal perjuangan kebangsaan Melayu yang dipelopori Umno.

Selari dan selaras dengan itu juga Umno perjuangankan Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan raja-raja Melayu sebagai tonggak kedaulatan bangsa Melayu.

Hanya di Malaysia kebangsaan dan agama diatur sebegitu rupa supaya saling sokong menyokong macam aur dengan tebing. Orang Melayu hilang kebangsaan dan hak kemelayuannya kalau keluar Islam.

Orang Melayu dilindungi keislamannya dengan Perlembagaan menegah agama-agama lain daripada mengembangkan ajaran mereka di kalangan orang Islam.

Kerana hak istimewa orang Melayu jugalah orang Melayu dapat pembelaan

sehingga yang miskin jadi kaya, yang bodoh jadi cerdik dan yang buta huruf jadi celik. Pergi haji macam makan angin, masuk universiti macam pergi madrasah, dapat subsidi seolah-olah sedekah.

Sekarang kerana Melayu pecah-belah, Umno lemah tapi Pas tak cukup kuat, hak istimewa orang Melayu mula dipertikai.

Kalau kita tengok balik ke belakang kepada perjuangan Pas, kita boleh nampak macam mana Pas sudah menyimpang daripada semangat asalnya.

Orang Umno yang keluar parti dan tubuh Pas tak setuju dengan Umno pasal Umno kerjasama dengan orang bukan Melayu. Mereka mahu pertahan hak Melayu dan mereka tak setuju Umno berpakat dengan orang bukan Islam. Kemudian Pas tuduh Umno kafir pasal kerjasama dengan bukan Islam.

Sekarang Pas bukan saja tolak kebangsaan Melayu kerana kononnya asabiyah malah bertungkus-lumus cari sokongan orang bukan Melayu dan bukan Islam hinggakan Pas dan DAP yang dulu musuh sekarang tidur sebantol.

Politik putar-belit punya angkara, Kiau pusing kepala.

(END)